KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	27.07.22	MUKA SURAT	:	23
JABATAN	:	JPSM			

KeTSA lancar rancangan pulihara pesisir pantai

Kuala Lumpur: Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, menegaskan fungsi ekosistem hutan paya laut, rumput laut dan terumbu karang bertambah penting ketika ini dengan ketiga-tiga ekosistem berkenaan dikenal pasti sebagai penyerap karbon amat efisien pada peringkat dunia.

Katanya, berdasarkan maklumat Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO), satu hektar kawasan hutan paya laut dianggarkan mampu menyimpan 3,754 tan karbon, bersamaan jumlah karbon dilepaskan 2,650 kereta selama satu tahun.

"Sebaliknya, jika ekosistem ini dimusnah, menjadi terosot atau hilang, ia pula menjadi sumber pelepasan karbon dioksida.

"Pakar menganggarkan pelepasan karbon daripada penyahhutanan hutan paya laut atau penebangan hutan di seluruh dunia menyumbang sehingga 10 peratus daripada pelepasan karbon, walaupun hutan paya laut hanya meliputi 0.7 peratus daripada keluasan tanah dunia," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata demikian sempena sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa yang disambut pada 26 Julai setiap tahun.

Sementara itu, Takiyuddin berkata, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) melancarkan Rancangan Fizikal Zon Pesisiran Pantai Negara-2 (RFZPPN-2) sebagai usaha memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut, termasuk kawasan pesisir pantai negara, pada 14 Jun lalu.

Pulihara hutan paya

RFZPPN-2 menggariskan panduan, tindakan perancangan strategik dan hala tuju penggunaan, pemuliharaan dan pengurusan sumber jaya pesisiran pantai di Semenanjung dan Labuan bagi memastikan kelangsungan perahan dan sumbangannya kepada alam sekitar dan masyarakat.

Ia turut mengambil kira keperluan dan kepentingan memelihara serta memulihara kawasan mempunyai biodiversiti tinggi seperti hutan paya dan dataran rumput laut di sepanjang pesisiran pantai negara dalam kekalkan kelestarian alam sekitar.

Beliau berkata, pembangunan kawasan pesisir pantai, akuakultur, pertanian dan pencemaran tidak terkawal adalah antara punca kehilangan kawasan hutan paya laut.

Katanya, kehilangan kawasan berkenaan bukan hanya memberi kesan langsung kepada kesejahteraan hidup masyarakat setempat, tetapi turut menyebabkan ketiadaan sumber penyerap karbon paling efisien.

"Inisiatif memelihara dan memulihara kawasan hutan paya laut bagaimanapun sudah dilaksanakan lebih awal melalui Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies Sesuai di Pesisiran Pantai Negara, sejak 2005, iaitu selepas tragedi tsunami melanda negara, pada 26 Disember 2004.

"Ia dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan serta kerajaan negeri, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat.

"(Kawasan) seluas 3,240.44 hektar ditanam di seluruh negara dengan pokok bakau dan spesies hutan pesisir pantai terpilih babitkan penanaman 7,129,438 pokok, sehingga 30 Jun lalu," katanya.

Malaysia ketika ini mempunyai kawasan hutan paya laut seluas 629,038 hektar, iaitu 3.44 peratus daripada keluasan kawasan berhutan di seluruh negara.

Berdasarkan Mangrove Guidebook Southeast Asia, Malaysia mempunyai kepelbagaian spesies flora bakau yang tinggi apabila mencatatkan 42 berbanding 52 spesies pokok bakau terdapat di Asia Tenggara yang ditemui dalam kelas dirian terkecil di negara ini.

> "Pembangunan kawasan pesisir pantai, akuakultur, pertanian dan pencemaran tidak terkawal adalah antara punca kehilangan kawasan hutan paya laut"
>
> *Takiyuddin Hassan,*
> *Menteri Tenaga dan Sumber Asli*



BH270766_23